

**SOALAN NO. : 47**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin  
Mohd Jarjis [ Rompin ]**

**TARIKH : SELASA, 10 MAC 2015**

## **SOALAN:**

**Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis**  
**[ Rompin ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM**  
**SEKITAR** menyatakan:-

- (a) apakah perancangan Kementerian mengenai kehakisan sungai-sungai di Malaysia, khasnya di sungai-sungai di Pahang lanjutan daripada bencana banjir besar baru-baru ini; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kementerian yang dibuat bagi menghadapi kehakisan disebabkan oleh pukulan ombak yang kuat dan deras di pinggir laut kerana kehakisan ini akan mengancam laluan bot-bot laut dalam ke muara sungai hingga boleh menjejaskan pendapatan nelayan yang menggunakan sungai sebagai mata pencarian mereka.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Bencana banjir besar baru-baru ini bukan sahaja telah melibatkan kerosakan yang tinggi terhadap harta benda awam dan Kerajaan, bencana tersebut juga telah menyebabkan hakisan yang besar terhadap tebing sungai di negeri-negeri yang terlibat termasuk sungai-sungai di Negeri Pahang. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah mengenal pasti beberapa lokasi yang telah mengalami hakisan tebing yang serius terutama di sungai-sungai utama. Pihak Kementerian akan meneliti serta mempertimbangkan langkah-langkah yang bersesuaian melalui cadangan yang dikemukakan oleh JPS bagi memulihkan semula tebing-tebing sungai yang terhakis tersebut secara berperingkat mengikut keutamaannya. Antaranya ialah dengan membina struktur benteng penahan hakisan serta memuliharaan rezab sungai sebagai zon penampan.

- b) Bagi mengatasi hakisan yang juga menjadi ancaman kepada bot-bot nelayan daripada pukulan ombak yang kuat, pembinaan struktur pemecah ombak merupakan struktur yang paling berkesan untuk digunakan. Selain menjadi zon selamat bagi bot-bot nelayan, ia juga dapat mengurangkan kadar mendapan di muara sungai supaya laluan pelayaran bot-bot dapat digunakan sepanjang masa dengan selamat. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan keupayaan aliran air dan memberi perlindungan kepada kawasan sekitar daripada risiko banjir pantai.

Bagi Negeri Pahang, JPS telah dan sedang melaksanakan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang Daerah Pekan, Pahang termasuk pembinaan struktur pemecah ombak dan perlindungan tebing sungai dengan kos keseluruhan yang bernilai RM 1 billion.

Sekian, terima kasih.